



Saudara-saudari dalam Kristus,

Alleluia! Tuhan Allah telah Bangkit! Dia Sememangnya Bangkit!

Puasa kita telah berakhir, dan perayaan kita bermula. Setelah 40 hari berpuasa dan membuat pertobatan, Gereja kini memanggil kita untuk menanggalkan selubung kesedihan dan pakaian penitensi dan memasang baju perayaan kelahiran semula. Tetapi Paska tidak memadam ingatan kita terhadap Jumaat Agung.

Bagi kebanyakan kita, dua tahun yang lepas berasa seperti Jumaat Agung yang berpanjangan. Namun, setelah mengalami 'malam gelita' yang pedih dan mengelirukan, kita mula melihat sinar terang harapan Paska. Khabar Paska adalah jelas: ada kemenangan selepas kekalahan, pertemuan semula selepas perpisahan, sukacita selepas perkabungan, dan kehidupan selepas kematian. Gereja telah membuka pintunya sejak November lalu selepas beberapa bulan ditutup dan penangguhan sakramen. Namun, kita masih mendapati kebanyakan orang masih duduk-di-rumah atas pelbagai sebab; antaranya kerana masalah kesihatan, ada yang telah dibiasakan dengan sambutan Misa atas talian, dan ada yang hilang semangat dalam iman dan kepercayaan mereka. Dengan peralihan negara kita ke fasa endemik, kami sebagai paderi juga memohon kepada anda semua, "Ini adalah masa untuk KEMBALILAH PULANG!"

Terdapat beberapa istilah dan ungkapan yang disebut-sebut oleh pihak berkuasa dan pakar selama dua tahun ini yang menjadi sebahagian kosa kata harian kita. Akan tetapi, amat penting untuk kita tidak membenarkan penggunaan istilah dan konsep baru ini membentuk pegangan asas iman Katolik kita sehingga menjadi ajaran hukum baru.

Kami berharap penjelasan yang berikut dapat memberi pemahaman yang lebih baik dalam membuat keputusan untuk kembali ke Gereja.

1.0 Normal berbanding Abnormal

Kita telah diberitahu untuk membiasakan diri kepada 'norma baharu'. Namun, keadaan ini tidak seharusnya ditafsirkan sebagai membiasakan apa yang sememangnya abnormal. Sememangnya adalah tidak normal untuk kita kekal menjauhkan diri dari Gereja dan menafikan diri ini daripada menerima sakramen. Adalah tidak normal untuk kita menghayati sakramen secara terasing melalui atas talian. Adalah tidak normal untuk kita mengetepikan kehidupan komuniti hanya semata-mata atas alasan penjarakan sosial. Walaupun kita harus berwaspada dengan mengambil langkah sewajarnya demi kesihatan sejagat, kita sebagai umat Katolik perlu membendung daripada membiasakan apa yang tidak normal. Inilah masa untuk KEMBALILAH PULANG, dan kembali ke Gereja adalah suatu yang NORMAL!



2.0 Perlu berbanding Bukan Perlu

Antara kesan luar jangkaan daripada tindakan awal kesihatan awam adalah untuk menempatkan ibadat awam di bawah perkhidmatan bukan-perlu (non-essential services). Baik untuk kita mempersoalkan, “Sejak bila agama menjadi sesuatu yang bukan-perlu?” Sebaliknya, agama merupakan perkhidmatan yang amat diperlukan. Seperti mana Tuhan kita telah mengingatkan kita dalam jawapan-Nya kepada si pencoba, “Manusia hidup bukan dari roti sahaja, tetapi dari setiap Firman yang keluar dari mulut Allah” (Matius 4:4). Inilah masa untuk KEMBALILAH PULANG kepada Yang Perlu.

3.0 Keselamatan berbanding Penyelamatan

Sepanjang dua tahun ini, kita telah mengambil langkah-langkah luar biasa bagi memastikan keselamatan umat kita. Tetapi seperti sebelumnya, kita tidak seharusnya keliru di antara keutamaan kehidupan abadi dengan melindungi kehidupan duniawi. Matlamat muktamad kita adalah penyelamatan kita, mengambil bahagian dalam kehidupan abadi yang berjaya dimenangi oleh Tuhan Yesus Kristus untuk kita di atas kayu salib dan menjadi nyata pada Paska. Walaupun sememangnya penting untuk kita cermat berwaspada dan juga sebagai kewajipan moral untuk menjaga kesihatan setiap individu dan mengelak daripada membahayakan orang lain, kita tidak harus melupakan tujuan kehidupan kita iaitu bukan hanya menghindari sakit dan kematian, tetapi adalah demi memperoleh kehidupan abadi. Jadi, KEMBALILAH PULANG demi penyelamatan anda!

Dalam musim Paska ini, bacaan pertama Misa harian dipetik daripada Kisah Para Rasul. Kisah ini menggambarkan suatu gereja yang baru mula tumbuh, suatu komuniti Kristian awal yang hidup dalam keadaan persekitaran yang asing, seteru dan berbahaya. Namun begitu, Kisah Para Rasul ini bukanlah suatu kisah mengenai suatu komuniti pengecut dan penakut yang hanya memikirkan keselamatan diri sendiri, tetapi berkenaan kejayaan dan semangat teguh mereka berhadapan dengan cabaran sukar, pertentangan, penindasan dan penganiayaan. Kisah pengalaman mereka juga boleh menjadi contoh kepada kita.

Sahabat sekalian, kami memahami terdapat ramai dalam kalangan anda telah menjadi khuatir, dan kehilangan harapan akibat masa depan yang tidak menentu, dan ada yang merasa ingin berhenti berdoa dan berharap. Akan tetapi, Tuhan yang telah membuktikan kasih sayang-Nya kepada kita dengan mengorbankan diri-Nya dan bangkit semula, memanggil kita daripada kubur kerohanian kita — kubur keraguan kita, kubur ketakutan, kubur putus harapan, kubur kepuashatian terhadap yang ala kadar sahaja, kubur kekecewaan dan harapan rendah terhadap diri kita sendiri dan terhadap kuasa cinta kasih Tuhan dalam hidup kita.



Sekiranya anda telah lama berjauhan dari Gereja, ini adalah masanya untuk KEMBALILAH PULANG. Gereja adalah RUMAH anda. Ia adalah di sini dan bukannya di tempat lain, di mana anda akan mendengar suara Bapa yang mengalunkan suara bapa kepada Anak Yang Hilang ketika ia memeluk anaknya yang telah lama tersesat dan menyambutnya pulang dengan kata-kata ini: “Marilah kita makan dan bersukacita. Sebab anakku ini telah mati dan menjadi hidup kembali, ia telah hilang dan didapat kembali!” (Lukas 15:23-24).

Semoga anda semua diberkati pada Paska ini!

Alleluia! Tuhan Allah telah Bangkit! Dia Sememangnya Bangkit!

Gembalamu yang Mengasihi dalam Kristus,
Fr Michael Chua, Fr Philip Chua, Fr Bonaventure Rayappan dan Bro Jonathan Rao
Ahad Paska
17 April 2022
#HFKKEMBALIPULANG